

**SULIT**

**3766/2**

**3766/2**  
**Perniagaan**  
**Kertas 2**  
November  
2022  
2 ¼ jam

Nama: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_



**BAHAGIAN PENDIDIKAN**

**JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PERAK**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022**

**PERNIAGAAN**

**Kertas 2**

**Dua jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU.**

1. Kertas soalan ini mengandungi 3 bahagian : **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.
2. Jawab **lima** soalan daripada Bahagian A. Jawab **dua** soalan daripada Bahagian B dan **satu** soalan wajib daripada Bahagian C.
3. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.
4. Tuliskan jawapan bagi setiap soalan dalam kertas jawapan.

---

*Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak*

**Lihat halaman sebelah]**

**BAHAGIAN A****(50 markah)***Jawab mana-mana lima soalan sahaja*

1. (a) Gambar 1 berkenaan logo sebuah organisasi perniagaan.



*Gambar 1*

Jelaskan tujuan penubuhan organisasi di atas.

[6 markah]

- (b) Jelaskan kelebihan perniagaan francais kepada franchisor?

[4 markah]

2. (a) Gambar 2 merupakan gambaran trend persekitaran sebuah perniagaan.



*Gambar 2*

- (i) Apakah trend persekitaran tersebut?

[1 markah]

- (ii) Nyatakan faktor dalaman yang menyebabkan berlakunya situasi di 2(a)(i).


[5 markah]

- (b) Senaraikan tujuan bagi bahagian fungsian jualan.

[4 markah]

3. (a) Terangkan tujuan penetapan visi, misi dan objektif perniagaan sebagai satu panduan kepada sesebuah perniagaan. [6 markah]

(b) Rajah 1 menunjukkan langkah-langkah pembangunan produk baharu.



Rajah 1

Jelaskan X.

[4 markah]

4. (a) Jelaskan peranan pengurusan sumber manusia dari aspek yang berikut :

(i) Membangunkan pasukan untuk mencapai sasaran

[3 markah]

(ii) Latihan peningkatan kemahiran

[3 markah]

(b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat ABC Berhad.

“Syarikat ABC Berhad merupakan sebuah syarikat pengeluaran dan penjualan komputer untuk pasaran tempatan. Pengarah urusan syarikat ialah En. Weldon. Syarikat mempunyai beberapa jabatan iaitu jabatan kewangan, jabatan pemasaran dan jabatan sumber manusia. Jabatan pemasaran diketuai Puan Julisah dan dibantu oleh seorang eksekutif Cik Tita. Encik Azuan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap hal kewangan. Manakala En. Rasdan bertugas sepenuhnya terhadap hal kebajikan pekerja dan sumber manusia.”

Lakar dan labelkan carta organisasi Syarikat ABC Berhad.

[4 markah]

Lihat halaman sebelah]

SULIT


5. (a) Gambar 3 berkaitan dengan aset yang dibeli oleh sesebuah perniagaan.



Gambar 3

- (i) Nyatakan jenis sumber pembiayaan luaran yang sesuai untuk membeli aset tersebut? [1 markah]
- (ii) Berikan tiga kelemahan pembiayaan sumber tersebut. [3 markah]

(b) Rajah di bawah berkaitan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan untuk sesebuah perniagaan.



Jelaskan prosedur bagi A, B dan C. [6 markah]

6. (a) Terangkan empat kekuatan diri yang perlu ada pada seseorang yang ingin menjadi usahawan. [4 markah]
- (b) *‘Rakan anda ingin memulakan perniagaan menghasilkan pelbagai jenis sambal untuk pasaran tempatan.’*
- Terangkan ciri-ciri lokasi yang sesuai kepada perniagaan rakan anda. [3 markah]
- (c) Huraikan rekod perniagaan yang perlu disimpan dalam sebuah perniagaan? [3 markah]

**BAHAGIAN B****(30 markah)***Jawab mana-mana dua soalan sahaja*

7. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan saiz perniagaan.

- Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga kurang daripada RM50 juta.
- Bilangan pekerja daripada 75 hingga kurang daripada 200 pekerja.

(i) Nyatakan saiz perniagaan tersebut. [1 markah]

(ii) Jelaskan cabaran perniagaan bersaiz di 7(a) (i) [5 markah]

(b) Undang-undang yang diluluskan oleh kerajaan berkaitan dengan pelbagai isu perlu dipatuhi oleh semua pihak. Terangkan kesan perubahan daripada undang- undang. [5 markah]

(c) Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu sistem perniagaan.

Encik Aidil dan Puan Lia merupakan pekerja di Syarikat Jubin Jemeh Sdn. Bhd. yang mengeluarkan pelbagai jenis jubin lantai untuk pasaran tempatan. Encik Aidil bekerja di bahagian operasi dan beliau dibayar mengikut jumlah jam kerja. Manakala Puan Lia ialah Eksekutif Kewangan Syarikat dan beliau dibayar amaun tetap iaitu sebanyak RM4 500 sebulan.

Terangkan jenis sistem penggajian bagi Encik Aidil dan Puan Lia. [4 markah]

8. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Syarikat Manjalara.

Syarikat Manjalara merancang untuk mengeluarkan Peria Goreng Crispy secara besar-besaran. Puan Lara, pengurus pemasaran diminta untuk merancang campuran pemasaran bagi produk tersebut. Pada masa yang sama, Syarikat Manjalara menghadapi masalah kekurangan modal. Untuk mengatasi masalah tersebut, Syarikat Manjalara menyediakan rancangan perniagaan untuk memohon pinjaman daripada pihak bank.

- (a) Nyatakan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan tersebut. [4 markah]
- (b) Jelaskan elemen rancangan pentadbiran yang dihasilkan dalam rancangan perniagaan Syarikat Manjalara. [3 markah]
- (c) Terangkan campuran pemasaran bagi produk Peria Goreng Crispy. [8 markah]

9. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan restoran.

Puan Aminah merupakan pemilik perniagaan Restoran Air Terjun Lata Kinjang. Pada tahun berakhir 31 Disember 2021, jumlah jualan Restoran Air Terjun Lata Kinjang ialah sebanyak RM280, 000. Puan Aminah mendapat untung bersih pada tahun tersebut sebanyak RM100, 000.

- (i) Apakah peratusan margin untung bersih perniagaan Restoran Air Terjun Lata Kinjang? Berikan tafsiran jawapan anda. [4 markah]
- (ii) Jika Puan Aminah menubuhkan perniagaannya dengan modal sebanyak RM180, 000. Berapakah peratusan pulangan atas modal? [2 markah]

- (b) Mah Enterprise merupakan sebuah syarikat yang menjual produk **K**. Maklumat berikut adalah butiran yang berkaitan dengan operasi Mah Enterprise bagi dua tahun yang lepas.

Tahun	Volum (unit)	Kos (RM)	Hasil Jualan (RM)
2020	83 000	185 000	249 000
2021	90 750	200 500	272 250

Harga jualan seunit, kos berubah seunit, dan kos tetap adalah sama bagi kedua-dua tahun. Kos berubah dijangka akan bertambah sebanyak RM0.20 seunit pada tahun 2022.

- (i) Hitung kos berubah seunit bagi produk **K**. [2 markah]
- (ii) Hitung kos tetap bagi mengeluarkan produk **K**. [2 markah]
- (c) Terangkan dokumen-dokumen yang perlu disimpan dalam rekod berikut.
- (i) Rekod jualan [2 markah]
- (ii) Rekod pembelian [2 markah]
- (iii) Rekod kos operasi [1 markah]



**BAHAGIAN C***(20 markah)**Soalan ini **wajib** dijawab.*

10. Baca dengan teliti kes di bawah ini.

Encik Ali mengusahakan kedai makan yang menjual mi bandung di Jasin dibantu isterinya Puan Aini. Mi bandung mereka mendapat sambutan hangat daripada penduduk dan juga pekerja pejabat di kawasan berdekatan. Antara tarikan kedai makannya ialah dia menjual pelbagai jenis mi bandung iaitu mi bandung ayam, mi bandung udang, mi bandung sotong, mi bandung ketam dan mi bandung daging. Seorang pelanggan tetapnya, Encik Ahmad berminat untuk menyumbangkan modal dan kepakaran. Beliau juga mencadangkan agar mereka mengusahakan penjualan perencah mi bandung secara besar-besaran.

Idea ni mendorong Encik Ali untuk membuat perubahan pada perniagaannya. Beliau hendak mengembangkan perniagaannya ke tahap yang lebih mencabar. Beliau mula menetapkan sasaran untuk membawa produk mereka ke seluruh negara. Encik Ali membina sebuah kilang kecil di belakang rumahnya untuk membungkus perencah mi bandung dengan menggunakan label “Perencah Mi Bandung Sedap”.

Anak mereka, Amira mencadangkan agar ayahnya membuat promosi yang agresif. Amira juga telah berjaya memperkenalkan “Perencah Mi Bandung Sedap” kepada kawan-kawannya. Usaha ini telah membuahakan kejayaan yang amat memberangsangkan. Lantaran itu, Encik Ali ingin membesarkan lagi perusahaan kecilnya.

Perkembangan perniagaan hanya boleh dilakukan dengan adanya wang modal yang mencukupi. Amira membantu ibubapanya menyediakan Rancangan Perniagaan kerana dia sedar kepentingan dokumen ini. Mereka sepakat berikhtiar dan tidak akan berputus asa untuk mengejar kejayaan yang diimpikan selama ini untuk membawa “Perencah Mi Bandung Sedap” ke seluruh negara.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan berikut:

- (a) Jelaskan jenis milikan perniagaan yang diusahakan oleh Encik Ali di kampungnya.  
[2 markah]
- (b) Encik Ali bersetuju dengan cadangan Encik Ahmad untuk mengusahakan penjualan perencah mi bandung. Huraikan milikan perniagaan yang sesuai ditubuhkan oleh mereka.  
[4 markah]
- (c) (i) Mengapakah kejayaan Amira menjadi pendorong kepada Encik Ali untuk memperbesarkan bagi perniagaannya?  
[4 markah]
- (ii) Cadangkan cara terbaik yang boleh digunakan untuk memperkenalkan “Perencah Mi Bandung Sedap kepada masyarakat.  
[4 markah]
- (d) (i) Nyatakan dua sifat usahawan selain daripada tidak berputus asa dalam kes diatas  
[2 markah]
- (ii) Sejauh manakah rancangan perniagaan dapat membantu perniagaan Encik Ali ini untuk mencapai impiannya?  
[4 markah]

## KERTAS SOALAN TAMAT